

Enam saat AS\$620 juta dikredit ke akaun Najib

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Sejumlah AS\$620 juta dikreditkan ke akaun Datuk Seri Najib Tun Razak daripada akaun Tanore Finance Corp. kira-kira enam saat selepas wang yang berasal daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dipindahkan ke syarikat terbabit.

Wang itu dikreditkan ke akaun bekas Perdana Menteri tersebut pada 22 Mac 2013.

Ia merupakan sebahagian daripada AS\$681 juta atau RM2,081,476,926 yang mengikut kadar tukaran wang asing ketika itu dikreditkan ke akaun Najib Razak antara 22 Mac 2013 dan 10 April 2013.

Baki AS\$61 juta dipindahkan ke akaun 9694 beberapa hari selepas itu, pada 25 Mac 2013.

Dana itu (AS\$681 juta) merupakan sebahagian daripada terbitan bon 1MDB keseluruhannya berjumlah AS\$3 bilion yang sepatutnya dilaburkan bagi usaha sama 1MDB dengan Aabar Investment PJS yang dikenali sebagai Abu Dhabi Malaysia Investment Company (ADMIC).

Penganalisis Bank Negara Malaysia (BNM), Adam Ariff Mohd. Roslan memaklumkan demikian ketika membaca laporan aliran wang dana 1MDB ke dalam akaun Najib.

Laporan itu dibacakan pada perbicaraan kes Najib yang didakwa atas empat tuduhan



NAJIB Tun Razak dibawa oleh anggota penjara bagi mendengar sambungan perbicaraan kes 1MDB di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

menggunakan kedudukannya ketika itu untuk mendapatkan suapan berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB serta 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Tanore ialah syarikat yang dikawal oleh Eric Tan Kim Loong yang merupakan sekutu ahli perniagaan, Jho Low atau nama sebenarnya, Low Taek Jho.

Pada 28 September 2022, saksi ke-38 pendakwa, Ketua Pasaran Modal Perbankan Persendirian AmBank, Yap Wai Keat dalam keterangannya memberitahu, pada Mac

dan April 2013, syarikat Tanore Finance Corp memindahkan wang berjumlah RM2.08 bilion ke dalam akaun Najib yang juga dikenali dengan kod nama Am-Private Banking - MR.

Adam Ariff dalam keterangannya menyatakan, bon itu dimasukkan ke akaun anak syarikat 1MDB, iaitu 1MDB Global Investment Limited (IGIL) sebelum dipindahkan ke Tanore melalui syarikat pelaburan, Devonshire Capital Growth Fund dan Grant on Property Holding Ltd.

"IGIL juga melanggan dana pelaburan syarikat Cistenique Investment Fund Enterprise

Emerging Market Fund (EEMF) dengan tarikh nilai, 21 Mac 2013. Rekod surat menyurat juga menunjukkan jumlah nilai nominal langganan oleh IGIL dalam EEMF dan Cistenique masing-masing ialah AS\$410 juta dan AS\$525 juta.

"Pada atau kira-kira 22 Mac 2013, EEMF dan Cistenique masing-masing mengirim AS\$50 juta dan AS\$375 juta kepada Tanore. Penyata bank dan rekod Tanore mengesahkan penerimaan dana pada 25 Mac 2013," katanya.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung hari ini.